

11 MAY 1997

Ling-KLIA

INFRASTRUKTUR FIZIKAL KLIA MESTI SIAP DAHULU

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Keutamaan akan diberikan kepada kerja-kerja menyiapkan infrastruktur fizikal Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) sebelum kerja-kerja lanskap dijalankan, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, adalah sukar bagi kerja-kerja binaan dan lanskap dijalankan pada waktu yang sama.

Pokok-pokok mungkin terpaksa di tanam semula dan kerja-kerja lanskap mungkin terjejas jika kerja-kerja binaan dijalankan pada waktu yang sama, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan simposium "Taoism" yang dianjurkan oleh Biro Agama MCA di sini, hari ini.

Dr Ling berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai kenyataan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang mendakwa ia tidak diberikan laluan penuh ke tapak projek itu untuk menjalankan kerja-kerja lanskap.

Menurut FRIM, ia telah dijanjikan laluan ke tapak itu pada Januari lepas tetapi tarikh itu telah ditunda beberapa kali kerana kerja-kerja pembinaan masih belum siap.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali dilaporkan berkata, FRIM hanya mempunyai 50 peratus laluan ke bangunan terminal utama dan tidak dapat sampai ke bangunan satelit di mana kerja-kerja lanskap perlu dijalankan.

Fasa pertama KLIA dijangka siap Sept depan dan lapangan terbang canggih itu berkonsepkan " Lapangan Terbang Dalam Hutan" dan "Hutan Dalam Lapangan Terbang".

Dr Ling berkata, beliau akan membincangkan perkara itu dengan KLIA Bhd dalam lawatan akan datangnya ke tapak itu pada 19 Mei ini.

Sementara itu mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan layanan media terhadap DAP, Dr Ling yang juga presiden MCA berkata beliau menyokong kenyataan Perdana Menteri itu yang media massa di Malaysia bersimpati dengan DAP.

"Media massa melaporkan kes membabitkan Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng bagaikan hakim-hakim yang bersalah," kata beliau.

"Akhbar-akhbar tempatan telah cuba mensensasikan isu itu. Apabila seseorang seperti Guan Eng, yang melanggar undang-undang tanpa segan silu mencari simpati, media pula terus terpedaya," kata Dr Ling.

Pada masa yang sama, media tidak memberikan layanan yang sama apabila Umno diisytiharkan sebuah pertubuhan haram pada tahun 80-an, kata beliau lagi. -- BERNAMA

HAK PR